



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 July 2015		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	JAIS anjur halal fest 2015
Muka Surat	:	13

JAIS anjur Halal Fest 2015

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) semalam menganjurkan pameran Halal Fest Selangor 2015 bertempat di Pekarangan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor sehingga 2 Ogos ini.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim berkata, pameran yang berkonsepkan 'Halal Untuk Semua' itu bertujuan untuk memberi peluang kepada semua pengusaha industri halal di negara ini supaya dapat mempromosi dan memperkenalkan produk mereka kepada orang ramai.

Menurutnya, penganjuran pada kali ini telah berjaya menarik perhatian pengusaha dari seluruh Semenanjung untuk turut sama menyertai dan memeriahkan program ini.

"JAIS memberi peluang kepada sektor industri kecil dan sederhana serta syarikat-syarikat besar untuk mempromosikan pelbagai produk halal mereka yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti makanan dan minuman, barang gunaan, produk kosmetik dan dandanan diri serta produk keluaran bumiputera.

"Terdapat lebih 122 gerai pameran disediakan untuk kunjungan orang ramai. Ia dibuka dari pukul 9 pagi sehingga pukul 12 tengah malam," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata Haris, selain daripada gerai jualan, pelbagai aktiviti menarik turut menanti pengunjung.

Antaranya pertandingan mewarna, pertandingan masakan dan gubahan buah, pertunjukan Fesyen Muslimah Hijab Style, demonstrasi masakan, slot Upin dan Ipin serta cabutan bertuah.

Untuk sebarang maklumat lanjut sila layari laman facebook JAIS dan Instagram di @selangorhalalfest.